



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN

UHMS1182 (PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN)

SEMESTER 1, 2020/2021

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI

NAMA: CHANG MIN XUAN

NO. MATRIK: A20EC0024

DISERAHKAN KEPADA:

DR. ANA HAZIQAH A RASHID

SKEMA PERMARKAHAN (DIISI OLEH PENSYARAH)

KRITERIA	MARKAH
KANDUNGAN	/20
SUSUNAN/STRUKTUR	/5
CARA PENULISAN	/5
TOTAL	/30

TUGASAN INDIVIDU: REFLEKSI


Di dalam penulisan ini, pelajar haruslah mempamerkan keaslian penulisan dengan menghuraikan refleksi mereka hasil daripada pembelajaran bagi subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’.

Pelajar perlu menjelaskan serta membincangkan refleksi mereka daripada aspek berikut:

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)
- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**
- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**
- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**
- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**
- vi. Apakah **perasaan anda** setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek ‘Penghayatan Etika dan Peradaban’ ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi)

REFLEKSI BAB 1: PENGENALAN ILMU ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab ini, saya dapat mempelajari ilmu falsafah dan isu semasa secara mendalam. Selain itu, saya juga memahami kemahiran Rukun Negara dan juga maksud serta konsep yang berkaitan. Sebagai contoh, lima prinsip Rukun Negara tersebut haruslah dipraktikkan oleh semua warga Malaysia untuk mengukuhkan keharmonian dan kedaulatan negara kita. Antara prinsip Rukun Negara ialah kepercayaan kepada Tuhan yang mengingatkan setiap orang untuk mengamalkan agama dan kepercayaan mereka. Seterusnya, kesetiaan kepada raja dan negara yang menyeru agar semua rakyat jelata menghormati dan taat setia kepada pemerintah. Keluhuran perlembagaan pula memberitahu kita bahawa pentingnya mematuhi perlembagaan negara. Kedaulatan undang-undang menjamin keselamatan dan keharmonian negara dan kesopanan dan kesusilaan membentuk masyarakat yang bersopan santun.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Dalam bab pengenalan etika dan peradaban, saya mempelajari tentang falsafah pendidikan kebangsaan (FPK) yang menumpukan pendidikan di negara kita, Malaysia. Falsafah ini merupakan usaha yang berterusan untuk melahirkan individu yang seimbang dari empat segi, intelek, rohani, emosi dan jasmani. Antara empat

segi ini, rohani berkaitan dengan perasaan kita secara mendalam. Rohani individu merupakan penentu moral dan agama kita.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Bab ini menumpukan falsafah dan rukun negara yang seharusnya kita patuhi. Dengan mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara, kita dapat menjadikan warganegara yang menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat kerana ia mengajar kita supaya mengamalkan kepercayaan, taat setia kepada raja dan negara, mematuhi undang-undang dan sentiasa bersopan santun kepada orang lain.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Melalui bab ini, saya mendapat tahu bahawa pentingnya subjek falsafah dan isu semasa. Sebagai warganegara yang mulia, kita seharusnya mempunyai ilmu pengetahuan prinsip etika supaya kita dapat membezakan perkara yang kita lakukan adalah betul atau sebaliknya. Dengan ini, keamanan dan keharmonian negara kita dapat dijamin. Hal ini juga menjadikan penentu terhadap kestabilan politik serta ekonomi negara.

REFLEKSI BAB 2: TEORI ETIKA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab teori etika, saya dapat kemahiran tentang teori-teori yang berbeza yang dikemukakan oleh ahli falsafah. Misalnya, dalam teori etika klasik, Aristotle menyatakan bahawa etika dan politik adalah saling berkaitan untuk membawa kebaikan individu serta kebaikan negara. Teori etika moden merangkumi teori yang menumpukan tugas atau kewajipan kita dan menasihati kita supaya mengamalkan keadilan terhadap sekelompok individu.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Saya mendapat tahu teori yang pelbagai melalui bab ini. Contohnya, teori teologi menyatakan hasil atau kesan adalah daripada tindakan. Tindakan yang baik akan menghasilkan kesan yang baik. Dalam konteks ini, tindakan yang baik juga dinyatakan sebagai tindakan yang dibenarkan dan dianggap beragama serta bermoral. Hal ini membolehkan saya sentiasa berwasapada dan seharusnya menilai setiap perkara untuk memastikan tindakan yang dilakukan membawa kesan baik kepada saya.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Dengan adanya pengamalan teori-teori yang dipelajari, saya akan menjadi seorang yang sentiasa melakukan kebaikan kepada masyarakat, berhati-hati sebelum bertindak dengan menilai perkara tersebut sama ada baik atau buruk sebelum bertindak serta bersifat adil kepada semua orang tanpa pilih kasih dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diarahkan. Dengan ini, sifat yang menyalahkan orang lain tanpa membuat penilaian diri sendiri dapat dielakkan.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Melalui teori yang dipelajari, saya dapat membezakan teori-teori yang dikemukakan dan mencari persamaan mereka untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Teori etika ini akan membawa manfaat yang pelbagai kepada kita tidak kira dari segi mental, intelek, dan juga emosi kita. Hal ini demikian, teori etika mengajar kami supaya melakukan kebaikan, tidak mementingkan diri sendiri dan mementingkan sifat saksama supaya tidak meminggirkan kepentingan masyarakat. Justeru, kita dapat membentuk masyarakat yang harmoni.

REFLEKSI BAB 3: ETIKA DAN PERADABAN DALAM KEPELBAGAIAN TAMADUN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Pelbagai nilai-nilai murni yang saya perolehi dari bab ini, antaranya ialah nilai tolong-menolong. Sebagai contoh, sikap orang Ansar menolong orang Muhajirin yang tidak ada tempat tinggal. Seterunya, nilai kesabaran juga dapat dipelajari supaya menahan nafsu diri daripada melakukan perkara yang tidak baik. Misalnya, kita haruslah mengelakkan diri daripada menghisap dadah hanya kerana perasaan ingin tahu dan kita tidak boleh melakukan jenayah hanya untuk mendapatkan kemewahan.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Bab ini merangkumi tamadun pelbagai agama dan setiap agama tersebut membawa kita ke arah yang betul, iaitu menggalakkan kita melakukan perkara yang baik dan menolak segala tindakan buruk. Hal ini boleh dilihat dengan jelas apabila setiap agama mempunyai nilai murni masing-masing yang dapat dihayati dan membolehkan kita praktikkan dalam kehidupan seharian.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Nilai-nilai murni yang terdapat dalam bab ini seperti toleransi, amanah, tolong-menolong dan sebagainya menjadikan saya sebagai warganegara yang beretika. Sekiranya saya mengamalkan nilai-nilai murni tersebut dalam kehidupan seharian. Selain itu, dengan adanya pengetahuan konsep-konsep agama yang mengarahkan saya ke arah yang betul, saya pasti akan menjadi warganegara yang beretika.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Bab ini mengajar saya tentang agama dan tamadun pelbagai kaum. Dalam hal ini, saya dapat mempelajari nilai-nilai murni dan teori-teori etika pelbagai tamadun. Secara psikologinya, saya mendapat tahu cara kehidupan kaum lain dan hal ini membolehkan saya mengenali kaum lain secara mendalam. Hal ini amat berharga dalam membina masyarakat berbilang kaum yang harmoni dan mengelakkan perselisihan faham serta pertelingkahan antara pelbagai kaum.

REFLEKSI BAB 4: PEMANTAPAN KESEPADUAN NASIONAL MELALUI ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab kesepaduan sosial ini, saya memperoleh pengetahuan berkaitan dengan persepakatan masyarakat. Menurut kata Ibn Khaldun, kesepaduan sosial juga dikatakan sebagai semangat kekitaan yang haruslah kita amalkan untuk mewujudkan masyarakat yang perpaduan dan bersatu padu. Selain itu, saya juga mengetahui bahawa kaedah untuk menyelesaikan masalah konflik melalui bab ini.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Daripada perspektif budaya dan agama, kita seharusnya bersifat tolong-menolong antara satu sama lain dan bersatu padu untuk mengekalkan keharmonian negara kita. Dengan ini, pra-syarat kesepaduan sosial yang mendapat kualiti hidup yang tinggi dapat dicapai. Kestabilan ekonomi dan kestabilan politik juga boleh dikekalkan bagi mendukung kemakmuran negara kita.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Melalui semangat bersatu padu sesama lain, kita dapat menjadi warganegara yang beretika kerana pertelingkahan antara masyarakat dapat dielakkan. Sebaliknya, unsur yang mendorong pembangunan negara, iaitu perpaduan antara masyarakat pula dapat membentuk. Sifat kesepaduan masyarakat membantu untuk menstabilkan politik dan ekonomi negara.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Dari sudut psikologi, semangat kekitaan haruslah dipupuk dalam kalangan masyarakat untuk mewujudkan masyarakat yang aman damai. Dengan ini, konflik dapat dielakkan. Saya juga mendapat tahu kaedah penyelesaian konflik di Malaysia melalui bab ini dan hal ini mengajar saya untuk menyelesaikan konflik secara bijaksana pada masa yang akan datang.

REFLEKSI BAB 5: KONSEP PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab tanggungjawab sosial, saya mendapat kemahiran terhadap sejarah prinsip tanggungjawab sosial dan pembahagian tanggungjawab sosial sebagai rakyat, profesional, dalam organisasi dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Nilai bertanggungjawab adalah tumpuan bagi bab ini dengan menasihati kita supaya melakukan kewajipan diri sendiri.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Sebagai rakyat, kita haruslah beragama dan melakukan tanggungjawab sosial sendiri agar menjadi individu yang berakhlak mulia. Hal ini juga boleh dijelaskan dengan memberi perkhidmatan yang saksama kepada pelanggan sebagai seorang pekerja dan membantu orang yang berada dalam kesusahan dalam sesebuah organisasi.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Dalam bab ini, saya menimba ilmu pengetahuan bahawa melakukan tanggungjawab sosial sendiri sebagai seorang rakyat. Hal ini mendorong saya supaya mengikut etika yang baik tanpa perlu pengawasan oleh orang lain. Dengan ini, saya akan menjadi warganegara yang beretika kerana sentiasa melakukan kewajipan diri tanpa disuruh orang lain untuk berbuat demikian.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Tanggungjawab sosial melibatkan setiap lapisan masyarakat supaya dapat membentuk negara yang maju dan perkembangan atau pembangunan negara yang pesat. Sekiranya salah satu daripada kita gagal melakukan tanggungjawab sosial yang sepatutnya dilakukan, hal ini akan menjejaskan kemajuan negara kita tidak kira dari segi ekonomi, politik atau sosial.

REFLEKSI BAB 6: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TIANG SERI ETIKA DAN PERADABAN DI MALAYSIA

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui topik perlembagaan Malaysia, saya mendapat ilmu tentang sejarah perlembagaan ini dihasilkan. Di samping itu, saya mempelajari tentang bagaimanakah negara Malaysia mendapat kemerdekaan dan kuasa kembali dari pihak British. Dalam hal ini, Parti Politik yang terdiri daripada tiga kaum utama ditubuhkan. Disebabkan oleh wujudnya sifat perpaduan berbilang kaum dan bersatu padu sesama lain, mereka mendapat kemenangan dalam pilihan raya.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Dalam bab ini, budaya dan agama memainkan peranan yang amat penting kerana jikalau tiada sifat toleransi antara kaum, kemerdekaan negara tidak akan dicapai. Sebaliknya, mereka akan berada dalam huru hara dan pertelingkahan serta pergaduhan. Sifat bersatu padu dalam kalangan masyarakat berbilang kaum adalah kunci utama membolehkan tanah melayu bebas daripada kuasa British.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Saya mempelajari nilai toleransi antara kaum dari bab ini. Sebagai warganegara yang beretika, kita haruslah bersifat bertolak ansur dan tidak hanya mementingkan sendiri. Dengan mengamalkan nilai tersebut, sesuatu perkara yang sukar akan diatasi juga kerana adanya kerjasama antara masyarakat berbilang kaum. Saya juga akan menjadi warganegara yang beretika jika sentiasa bersatu padu dan memahami budaya dan adat kaum lain.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Kemerdekaan negara tidak diperolehi dengan senang, hal ini merangkumi kesepakatan masyarakat berbilang kaum. Mereka bukan sahaja rela menjaga kepentingan setiap kaum, bahkan juga memupuk semangat toleransi dalam kalangan mereka dan tidak berebut-rebut sesama lain untuk memperoleh kuasa sepenuhnya. Dalam hal ini, mereka baru dapat menang dalam pilihan raya dan membolehkan tanah melayu bebas daripada kawalan British.

REFLEKSI BAB 7: PERANAN ETIKA DAN PERADABAN BUDAYA DAN KOMUNIKASI KONTEMPORARI

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Kemahiran yang saya peroleh melalui bab ini ialah kebebasan bersuara dalam kalangan masyarakat dan juga hiburan hedonistik. Kebebasan bersuara merupakan hak kita untuk menyampaikan apa yang difikirkan dengan ada batasannya yang tertera dalam peraturan kebebasan bersuara. Selanjutnya, hiburan hedonistik ini mementingkan kesenangan hidup disebabkan oleh perubahan gaya hidup masyarakat yang lebih mementingkan keseronokan.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Daripada perspektif budaya dan agama, kita diberi bebas untuk menyatakan apa-apa dengan batasannya tidak mengkritik perkara sensitif atau menyampaikan apa-apa yang menyinggung perasaan orang lain kerana hal ini adalah perbuatan yang tidak bermoral. Selain itu, hiburan hedonistik yang keterlaluan boleh mendorong perlakuan kejahatan dan hal ini amat bertentangan dengan agama setiap kaum.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**


Dalam hal ini, rakyat jelata diberi peluang untuk bebas bersuara tetapi setiap orang mengetahui batasannya dengan menyuarakan pendapat mereka dengan cara dan saluran yang betul, membincangkan perkara yang berunsur baik dan menggunakan perkataan yang sopan semasa menyampaikan sesuatu. Hal ini adalah elemen yang penting untuk menentukan kita sebagai warganegara yang beretika. Bukan itu sahaja, kita juga tidak mengejar kemewahan sesuka hati, sebaliknya berbelanja mengikuti keperluan kita. Hal ini mengelakkan kita daripada melakukan jenayah semata-mata ingin mengejar kemewahan.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Melalui bab ini, saya mempelajari kebebasan bersuara ada batasannya. Kita sedia maklum bahawa terdapat pelbagai kes buli siber yang berlaku di Internet disebabkan oleh kebebasan bersuara yang keterlaluan. Hal ini telah menyakitkan hati mangsa dan boleh mendorong mereka bunuh diri disebabkan oleh tidak dapat menanggung kesakitan yang dialami oleh mereka. Selanjutnya, hiburan hedonistik ini juga membawa kesan buruk kepada masyarakat. Contohnya, pelajar tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran apabila mereka ingin mengejar kemewahan hidup. Hal ini secara tidak langsung menyakitkan hati ibu bapa mereka.

REFLEKSI BAB 8: CABARAN KETERLESTARIAN ETIKA DAN PERADABAN

- i. Lukiskan **peta minda** sebagai ringkasan dari setiap bab yang dipelajari (boleh dalam bentuk lukisan tangan dan masukkan gambar dalam word document atau gunakan apa-apa sahaja grafik yang lain dan letakkan dalam template word document yang disediakan)



- ii. Apakah **moral, nilai-nilai murni, kualiti serta kemahiran yang anda pelajari daripada setiap bab dalam subjek ini?**

Melalui bab cabaran keterlestarian, saya dapat menhayati nilai yang membina pemikiran yang betul. Selain itu, saya mendapat kemahiran dengan patuh pada prinsip Rukun Negara serta menjaga kesepaduan sosial. Saya mendapat tahu betapa pentingnya peranan agama dan mempelajari budaya ilmu dan nilai-nilai murni serta mempraktikkan mereka dalam kehidupan seharian.

- iii. Bagaimanakah subjek ini membantu anda dalam memberi informasi tentang **isu-isu etika** daripada pelbagai perspektif **budaya dan agama?**

Budaya dan agama setiap lapisan masyarakat menentukan kelestarian etika dan peradaban kerana seseorang yang beragama akan mempunyai keutuhan moral dan integriti. Agama melahirkan individu yang berminda kelas pertama yang dapat menjamin pembangunan negara pada masa hadapan. Hal ini kerana mereka bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam ilmu pelajaran, bahkan juga mempunyai ilmu agama yang sentiasa mendorong kita untuk melakukan perkara yang baik.

- iv. Bagaimanakah subjek ini membantu dalam menjadikan anda **warganegara yang beretika serta menjunjung tinggi tatasusila dalam bermasyarakat?**

Setelah mempelajari bab ini, saya memperoleh pengetahuan tentang cabaran yang menjadikan kelestarian etika dan peradaban terbantut. Antaranya disebabkan oleh masyarakat yang tidak beretika dengan sering melakukan pencemaran, sanggup melakukan apa-apa jua yang tidak bermoral untuk mencapai matlamat mereka dan tidak bersifat integriti semasa melakukan perdagangan. Justeru, saya dapat meninjau perlakuan ini sebagai pengajaran kepada saya dan tidak berbuat demikian untuk menjadi warganegara yang beretika untuk melestarikan etika dan peradaban.

- v. Bagaimanakah setiap bab dalam subjek ini memberi kesan kepada anda dari sudut **intelektual serta psikologi?**

Kelestarian etika dan peradaban adalah tanggungjawab setiap individu supaya pembangunan negara ke arah yang maju dapat dicapai. Dengan kemajuan negara dan pembangunan negara yang pesat, kemiskinan di negara kita dapat dibasmikan kerana hal ini juga mendorong ekonomi dan politik negara yang stabil. Dalam konteks ini, kita sewajarnya berusaha bersama-sama untuk mengatasi cabaran yang berada demi membentuk negara yang aman damai dan masyarakat yang beretika.

REFLEKSI KESELURUHAN: PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

Apakah perasaan anda setelah mempelajari isu-isu yang dibincangkan di dalam subjek 'Penghayatan Etika dan Peradaban' ini? (Sebagai kesimpulan diakhir refleksi) ***(Sekurang-kurangnya 1 perenggan dan tidak melebihi 1 muka surat)***

Kesimpulannya, melalui subjek ini, saya dapat memperoleh pelbagai ilmu pengetahuan dan memahami etika dalam kehidupan secara mendalam. Saya berasa amat gembira kerana dapat memperoleh pelbagai ilmu daripada pensyarah kita, Dr Ana Haziqah dan juga rakan-rakan sekelas saya. Untuk meningkatkan pengetahuan kita, pensyarah juga telah merakamkan video-video dan menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik dalam kelas pembelajaran kita. Hal ini membolehkan saya menguji tahap pengetahuan saya terhadap topik-topik yang diajar secara tidak langsung. Sebagai contoh, pensyarah telah mengadakan kuiz online di Internet, tugas kumpulan berkaitan dengan melukiskan peta minda bersama-sama dan juga forum perbincangan di e-learning. Tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti-aktiviti tersebut menjadikan kelas kita lebih menarik dan saya mendapat peluang untuk menimba ilmu pengetahuan yang lain yang dapat memperluaskan ilmu saya. Akhir sekali, saya berasa amat syukur kerana dapat menghadiri diri dalam kelas penghayatan etika dan peradaban ini. Sekian sahaja daripada saya, terima kasih.